

# Melayu dapatkan kaunseling hutang naik lebih 4%

3 Aug 2014

NORHAIZA HASHIM

BILANGAN orang Melayu yang mendapatkan kaunseling di Kredit Kaunseling Singapura (CCS) akibat menghadapi masalah hutang telah meningkat lebih 4 peratus mencapai 268 orang tahun lalu.

Ini berbanding 257 orang pada 2012 dan 114 orang pada 2011.

Mendedahkan perangkaan itu kepada Berita Harian (BH), pengurus kanan CCS, Cik Tan Huey Min, berkata:

"Masyarakat Melayu kini semakin sedar tentang hidmat bantuan yang kami tawarkan ekoran lebih banyak liputan di media.

"Di samping itu, masyarakat Melayu juga mungkin lebih bersedia mendapatkan bantuan secara profesional," ujar beliau semasa dihubungi baru-baru ini.

Ditubuhkan secara rasmi sebagai badan amal pada 2005, CCS - yang dibiayai para anggota Persatuan Bank-Bank Singapura (ABS) - membantu golongan berhutang menyusun pelan pembayaran semula hutang mereka.

Ia juga adalah satu-satunya persatuan tidak meraih keuntungan, yang mempunyai aturan tersusun dengan bank-bank berhubung pembayaran semula hutang.

Kebanyakan mereka yang mendapatkan bantuan CCS terdiri daripada orang-orang yang menghadapi masalah melunaskan hutang dengan institusi kewangan (FI).

Selain itu, CCS juga membantu mereka yang berhutang dengan syarikat telekomunikasi atau syarikat runcit.

Menjelaskan masalah hutang yang membelenggu masyarakat Melayu, Cik Tan berkata lebih separuh iaitu 51 peratus orang Melayu terperangkap dalam masalah hutang disebabkan berbelanja melebihi kemampuan, tidak banyak berbeza daripada 50.6 peratus bagi bukan Melayu.

Berbeza daripada pelanggan bukan Melayu, lebih ramai individu Melayu yang mendapatkan bantuan CCS terjerat dalam masalah hutang akibat mengubah elok rumah, menanggung ibu bapa atau menghadapi masalah berkaitan kerja seperti diberhentikan kerja.

Sebaliknya, peratusan Melayu adalah lebih rendah berbanding bukan Melayu atas sebabsebab seperti berjudi dan bermain saham.

Penasihat Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Sani Hamid, berkata pihaknya bekerja rapat dengan CCS bagi membantu pelanggan mereka 'keluar' daripada masalah hutang.

"Ramai pelanggan kami yang menghadapi masalah kesukaran membayar hutang bank akan kami rujuk kepada CCS. CCS merupakan badan pertama yang harus dikunjungi bagi menghuraikan masalah hutang mereka kerana CSS dibentuk oleh anggota-anggota bank. Jadi, mereka boleh berunding dengan pihak bank untuk membantu pelanggan yang bermasalah," ujar Encik Sani.

Menukil pengalaman seorang pelanggan DAC yang dirujuk kepada CCS, Encik Sani berkata pelanggan itu telah dapat mengurangkan bayaran ansuran bulanan daripada \$2,000 sebulan kepada \$500 sebulan selepas CCS berunding dengan pihak bank.